

Program Pelan Pembayaran Ansuran (IPP) 0% Pine Labs – Kempen Diskaun Segera

Terma dan Syarat

DEFINISI

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan dalam konteks yang menetapkan sebaliknya:

“Bank” atau “ABMB” membawa maksud Alliance Bank Malaysia Berhad.

“Pine Labs” bermaksud Pine Payment Solutions Sdn. Bhd. (No. Syarikat 201601031792 (1202733-A)), penyedia penyelesaian pembayaran terkemuka yang menyediakan pembiayaan dan teknologi transaksi runcit kepada saudagar dan terminal POS kad kredit. Bank telah melibatkan Pine Labs untuk menyediakan ABMBPL 0% IPP kepada Pemegang Kad yang Layak yang membuat pembelian daripada Saudagar IPP. **Untuk mengelakkan keraguan, Pine Labs bukan merupakan subsidiari, anggota gabungan atau syarikat yang berkait dengan Bank.**

“Kempen” bermaksud “Kempen Diskaun Segera – Kempen Pelan Pembayaran Ansuran 0% Pine Labs bagi Kad Kredit Visa”

“Produk” bermaksud Kad Kredit ABMB.

“ABMBPL 0% IPP” bermaksud Pembayaran Ansuran 0% Alliance Bank Malaysia Berhad yang diberikan kepada Pemegang Kad yang Layak yang membuat pembelian barangan dan/atau perkhidmatan daripada saudagar IPP terpilih yang diluluskan dengan menggunakan Kad yang Layak, yang dipermudah oleh Pine Labs (ditakrifkan di bawah), untuk membuat pembayaran bagi pembelian tersebut, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian melalui ansuran tersebut.

“Saudagar IPP yang mengambil bahagian” bermaksud saudagar di bawah program rakan saudagar Pine Labs yang menawarkan IPP kepada Pemegang Kad yang Layak melalui terminal titik jualan (“POS”) kad kredit untuk membuat pembelian barangan dan perkhidmatan, yang mengambil bahagian dalam kempen Diskaun Segera.

“Diskaun Segera” bermaksud diskaun yang ditawarkan dengan serta-merta atas jumlah amaun transaksi bagi setiap bil melalui terminal POS kad kredit Pine Labs apabila memenuhi mekanik kempen ABMBPL 0% IPP. Tidak terpakai untuk bil berasingan.

“Pembelian IPP” bermaksud pembelian barangan dan/atau perkhidmatan oleh Pemegang Kad yang Layak dengan menggunakan Kad yang Layak di mana-mana terminal kad kredit yang disediakan oleh Saudagar IPP.

“Tempoh IPP” bermaksud tempoh pembayaran ansuran bulanan di bawah ABMBPL 0% IPP.

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen yang dianjurkan oleh Bank ini akan berlangsung mulai 15 Jun 2024 hingga 31 Disember 2024 (termasuk kedua-dua tarikh) atau sehingga penebusan dibuat sepenuhnya (**“Tempoh Kempen”**).
2. Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu untuk menukar tempoh dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh tamat bagi Tempoh Kempen. Sebarang perubahan akan dikemas kini di laman web bank.

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka untuk semua Pemegang Kad Kredit individu ABMB yang Kad Kreditnya adalah sah dan pembayaran boleh dibuat di titik transaksi dalam Tempoh Kempen (“**Pemegang Kad yang Layak**”).
2. Individu berikut TIDAK layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - i. Bukan Pemegang Kad Kredit Alliance Bank
 - ii. Pemegang mana-mana Kad Kredit Perniagaan
 - iii. Pemegang kad yang akaunnya dengan ABMB adalah dormant, tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan dengan memuaskan;
 - iv. Pemegang kad yang telah meninggal dunia, atau individu yang sedang menghadapi sebarang jenis prosiding undang-undang;
 - v. Individu yang tidak waras, bawah umur atau bankrap;
 - vi. Mana-mana individu lain sebagaimana yang ditentukan oleh ABMB untuk dikecualikan menurut dasar dalamannya;
 - vii. Mana-mana individu lain yang diputuskan oleh ABMB untuk dikecualikan menurut prosedur dalaman Bank;
3. Pekerja tetap dan/atau kontrak ABMB (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan), termasuklah ahli keluarga terdekat mereka layak mengambil bahagian dalam Kempen ini.
4. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak perlu membuat transaksi ABMBPL 0% IPP minimum RM3,000 atau RM5,000 di saudagar IPP yang mengambil bahagian dengan menggunakan Kad Kredit ABMB untuk mendapatkan Diskaun Segera sebanyak RM150 dan RM250 dalam Tempoh Kempen.

MEKANIK KEMPEN & SAUDAGAR IPP YANG MENGAMBIL BAHAGIAN

1. Kempen ini tidak boleh digabungkan dengan mana-mana promosi atau kempen lain yang dianjurkan oleh Bank melainkan sekiranya dinyatakan sebaliknya.
2. Mekanik Kempen dan Saudagar IPP yang Mengambil Bahagian adalah seperti di bawah:

No.	Saudagar IPP yang Mengambil Bahagian*	Mekanik Kempen	Tempoh IPP	Had Diskaun Segera **
1	1 DOC SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12, 24 & 36 bulan	120 unit
2	AGLOW LABELLE SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
3	AGLOW SIGNATURE SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
4	AGLOW INFINITY SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
5	AGLOW ELITE SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
6	AGLOW PRISM SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
7	AGLOW SOUTH SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
8	AGLOW FANCYAGE SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
9	AGLOW LEGACY SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
10	AGLOW PREMIUM SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit

11	AGLOW SUPREME SDN BHDAGLOW CLINIC	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12 & 24 bulan	32 unit
12	BEFIT WELLNESS HUB SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12, 24 & 36 bulan	20 unit
13	BRIGHTCARE SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12 & 24 bulan	20 unit
14	BUBBLE GUM X SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12 & 24 bulan	53 unit
15	DETOXI WELLNESS SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12, 24 & 36 bulan	32 unit
16	GLOW INTERNATIONAL SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12 & 24 bulan	46 unit
17	H2 HERMOSA KEPONG SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12, 24 & 36 bulan	20 unit
18	HAIR DOC GROUP SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12, 24 & 36 bulan	133 unit
19	JEAN YIP M SALON SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12 & 24 bulan	66 unit
20	MUCI HAIR CARE M SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12 & 24 bulan	100 unit
21	NANO PIGMENTATION SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12, 24 & 36 bulan	40 unit
22	PERFECT FACELIFT SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12, 24 & 36 bulan	100 unit
23	SANS LIVING SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12, 24 & 36 bulan	33 unit
24	SANS VALUE SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12 & 24 bulan	33 unit
25	SANS VANTAGE SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12 & 24 bulan	33 unit
26	SKIN RENEW AESTHETIC SDN BHD	Potongan RM150 daripada perbelanjaan min. RM3,000	6, 12 & 24 months	52 unit
27	SLIM DOC SDN BHD	Potongan RM250 daripada perbelanjaan min. RM5,000	6, 12, 24 & 36 bulan	120 unit

Nota: Senarai lengkap bagi saudagar penjagaan diri dan kesihatan yang mengambil bahagian serta nama dan Alamat kedai mereka boleh didapati di <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/documents/Promotion/PineLabs-Participating-Wellness-Merchants-List-Instant-Discount-Campaign.pdf>

**Senarai Saudagar yang Mengambil Bahagian akan dikemas kini dari semasa ke semasa apabila terdapat penyertaan saudagar baharu dalam Kempen Diskaun Segera.*

***Had Amaun Diskaun Segera adalah tertakluk kepada perubahan menurut budi bicara Bank.*

3. Diskaun Segera dihadkan pada satu (1) penggunaan bagi setiap Pemegang Kad yang Layak bagi setiap saudagar IPP yang Mengambil Bahagian.
4. Had bagi jumlah keseluruhan Diskaun Segera yang diperuntukkan bagi kesemua saudagar IPP yang Mengambil Bahagian sepanjang Tempoh Kempen adalah sebanyak RM152,000. Kelayakan Diskaun Segera bagi Pemegang Kad adalah atas dasar siapa dulu dia dapat.

TERMA DAN SYARAT AM

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak perlu membaca, dan memahami terma yang ditetapkan sebelum memberi persetujuan terhadap Terma dan Syarat Kempen ini. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan Bank berkenaan segala hal yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengennainya tidak akan dilayan.
2. ABMB berhak menarik balik / membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicaranya dengan memberikan notis

terlebih dahulu menerusi hantaran di laman web ABMB, paparan di premis cawangan atau iklan atau melalui sebarang cara komunikasi lain yang menjadi pilihan ABMB dan ia akan mengikat Pemegang Kad yang Layak mulai tarikh pemberitahuan atau mulai tarikh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh ABMB dalam pemberitahuan tersebut. Pemegang Kad yang Layak dengan ini bersetuju untuk sering mengakses laman web ABMB bagi tujuan menyemak Terma dan Syarat Kempen ini.

3. ABMB berhak, menurut budi bicaranya berdasarkan dasar dalaman bank, menukar atau menggantikan Ganjaran Kempen dengan item atau ganjaran lain yang mempunyai nilai yang setara dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web bank.
4. Terma dan Syarat Kempen merupakan tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir Produk dan akaun perbankan pemegang kad dengan Bank (“Terma Sedia Ada”).
5. ABMB hanya menyediakan kaedah pembayaran ini untuk barangan dan/atau perkhidmatan menerusi penggunaan Kad Kredit ABMB.
6. Terma dan Syarat Kempen ini serta keputusan ABMB berkenaan segala hal yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat-menyerat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
7. ABMB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang jenis liabiliti yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini yang diakibatkan oleh tindakan pemegang kad itu sendiri. ABMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh Pemegang Kad yang Layak dalam apa juga cara sekiranya ABMB tidak berupaya melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Kempen ini sama ada secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan ABMB.
8. ABMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bentuk kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, kesilapan elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International, syarikat saudagar, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang boleh menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak dalam Tempoh Kempen.
9. Terma dan Syarat Kempen ini merupakan tambahan kepada Terma dan Syarat sedia ada yang mentadbir Kad Kredit dan akaun perbankan bagi Pemegang Kad yang Layak yang diselenggarakan oleh Bank (“**Terma Sedia Ada**”)
10. Kad yang Layak dan akaun Pemegang Kad yang Layak mestilah sentiasa (i) sah, mempunyai kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana terma dalam Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma Sedia Ada; dan (ii) tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditetapkan oleh ABMB, untuk memperoleh Ganjaran Kempen.
11. ABMB berhak menyingkirkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau membatalkan Ganjaran Kempen sekiranya terdapat transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman ABMB. Semua rekod ABMB berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

12. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau penyingkiran Pemegang Kad yang Layak atau penarikan balik Ganjaran Kempen tidak akan memberikan hak kepada Pemegang Kad yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ABMB atau bagi sebarang dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan, pelanjutan, penyingkiran atau penarikan balik tersebut yang diakibatkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri. .
13. Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka menurut undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Kempen ini.
14. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya yang tidak boleh ditarik balik kepada ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk iklan dan/atau promosi yang terhad untuk Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
15. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-BM.pdf>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan penganjuran Kempen ini.
16. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumuman, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
17. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.
18. Menerusi penyertaan dalam Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengaku bahawa ia telah dimaklumkan mengenai penglibatan Pine Labs yang menyediakan ABMBPL 0% IPP untuk Pemegang Kad yang Layak yang membuat pembelian di saudagar IPP. Terma dan syarat bagi penglibatan ini boleh didapati di <https://www.alliancebank.com.my/alliance/media/documents/promotion/pinelabs-ipp-tcs.pdf>